

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD.
NASIR [JOHOR BAHRU]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**
menyatakan: -

- (a) perkembangan langkah untuk memecahkan monopoli BERNAS dalam industri beras dan padi; dan
- (b) manfaat tindakan tersebut kepada pengusaha dan pengguna.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 2 fasa dalam membangunkan Model Baharu Pengurusan Industri Padi dan Beras iaitu fasa 1 (*Soft Landing*) bagi tempoh 2019 sehingga 2020 dan fasa 2 iaitu selepas tamat tempoh konsesi di antara Kerajaan dan BERNAS pada 10 Januari 2021. Pada peringkat fasa 1 ini, fokus Kementerian berhubung pemecahan monopoli BERNAS adalah melihat keseluruhan aspek berhubung Perjanjian Konsesi BERNAS menerusi kajian keseluruhan yang sedang dilaksanakan melibatkan kerjasama juru perunding daripada pihak World Bank dan pakar tempatan (*local expertise*).

2. Di antara aspek utama yang diteliti ke arah pengenalan Model Baharu Industri Padi dan Beras ini adalah mengkaji kesan penamatan Perjanjian Konsesi BERNAS di sepanjang rangkaian industri terdiri yang terdiri daripada pesawah, pengilang, pemborong, peruncit dan pengguna bagi memastikan industri ini terus dinamik dan berdaya saing serta memberi manfaat kepada rakyat keseluruhannya. Selain itu, kajian juga akan menumpukan peranan obligasi sosial yang dijalankan oleh pihak BERNAS dan cadangan penstrukturan semula obligasi sosial ini. Jangkaan manfaat ekonomi yang diperolehi dengan memperkukuhkan semula rangkaian industri terhadap petani adalah peningkatan pendapatan petani manakala diperingkat pengusaha industri tempatan akan mewujudkan industri yang lebih kompetitif dan lebih berdaya saing seterusnya memberi manfaat kepada kumpulan pengguna dengan memastikan bekalan beras yang mencukupi, berkualiti dan harga yang stabil. Model Baharu Pengurusan Industri Padi dan Beras ini akan dilaksanakan semasa fasa 2 iaitu selepas tamat Perjanjian Konsesi BERNAS.

Sekian, terima kasih.